

# Pemilik tanah diberi tempoh hingga akhir bulan

**K**UALA LUMPUR: Pemilik tanah di Jalan Sultan yang terbabit dengan projek Stesen Transit Aliran Massa (MRT), diberikan tempoh sehingga akhir bulan ini untuk menandatangani persetujuan bersama yang ditawarkan MRT Corp atau terpaksa berdepan dengan pengambilan tanah secara wajib oleh pihak kerajaan.

Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata persetujuan bersama itu menawarkan keuntungan kepada kedua-dua pihak, kerana pemilik turut diberikan pampasan sepanjang tempoh enam bulan kerja pembinaan terowong sepanjang 9.5 kilometer (km) itu dijalankan, ter-

masuk jumlah pendapatan dalam tempoh itu, tempat tinggal sementara sebelum dipindahkan semula ke kedai masing-masing serta jumlah kerugian perniagaan yang dialami.

“Sekiranya pemilik gagal mencapai kata putus dalam persetujuan bersama dalam tempoh ditetapkan sehingga hujung bulan ini, pengambilan tanah akan dibuat secara wajib oleh kerajaan.

“MRT Corp tidak mahu perkara ini terjadi kerana pengambilan tanah tidak sepatutnya berlaku, kerana kerja pembinaan MRT dibuat di bawah tanah dan ia tidak menguntungkan kami kerana tidak ada stesen pun akan dibina di situ.

“Pihak kami sudah berulang kali

menekankan mahu meneruskan projek pembinaan terowong MRT berkenaan menerusi persetujuan bersama. Pemilik tidak perlu bimbang kerana sepanjang tempoh pembinaan, pihak kami akan sentiasa memantau keselamatan bangunan termasuk sebarang keretakan yang berlaku,” katanya.

Menyentuh cadangan beberapa pihak untuk mengalihkan laluan MRT dari Jalan Sultan, katanya, ia bukan jalan penyelesaian bagi permasalahan itu kerana projek MRT tidak boleh dilanjutkan lebih lama selain perlu disiapkan pada Julai 2017 serta terikat dengan perundangan ditetapkan.